

BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

28

KEMBARA

Belajar urutan khas untuk anak istimewa

46

KERJAYA


Tiga sahabat ceburi bidang cetakan bju

50

INOVASI

Baja kompos sisa kelapa sawit

BERITA HARIAN (14/02/2019) M/S 23



MEMPERKASA PERANAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI

➔ Gedung ilmu yang lebih bersifat mesra pelajar perlu direalisasikan

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.m

✦ Kuala Lumpur

Arus pemodenan dan perkembangan teknologi yang berlaku pada hari ini dilihat semakin mengahakis budaya membaca dalam kalangan mahasiswa sehingga penggunaan perpustakaan di universiti awam dan institusi pengajian tinggi (IPT) cuma terhad kepada musim tertentu sahaja.

Kemunculan telefon pintar dan capaian internet yang meluas di serata dunia, termasuk Malaysia turut mendorong mahasiswa pada hari ini untuk lebih selesa membuat rujukan melalui laman carian seperti Google dengan alasan lebih mudah dan cepat.

Meskipun begitu, perpustakaan sebagai gedung ilmu dilihat masih relevan dalam memainkan peranan menyediakan perkhidmatan dan maklumat kepada pelajar yang memerlukan, terutama membabitkan bahan rujukan yang tidak dapat diperolehi melalui carian di internet.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Yusseric Zainuddin, berkata trend penggunaan perpustakaan dalam kalangan mahasiswa pada hari ini dilihat bergantung kepada musim tertentu termasuklah minggu kuiz, ujian atau peperiksaan.

Katanya, tidak dinafikan kekerapan pelajar menggunakan kemudahan di perpustakaan berkurangan kerana mereka boleh mendapatkan bahan rujukan melalui internet berikutan kemudahan jalur lebar yang meluas di kawasan kampus.

"Kebiasaannya, perpustakaan akan penuh dengan pelajar ketika musim peperiksaan kerana mereka memerlukan tempat yang sesuai untuk mengulang kaji pelajaran serta membuat rujukan atau perbincangan dengan rakan sekuliah.

"Situasi ini sebenarnya berlaku di kebanyakan universiti awam (UA) dan IPT di negara ini dan menjadi satu cabaran kepada pihak universiti dan perpustakaan untuk menangani ledakan teknologi yang bakal berlaku pada masa depan sekali gus mencari pendekatan terbaik untuk menarik lebih ramai pengunjung," katanya.

Berita HARIAN (14/02/2019) M/S V24 [FOTO HIASAN]



Penggunaan ruang belajar yang disediakan perpustakaan universiti dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar.

Pendekatan terkini tarik pengunjung

info

Statistik perpustakaan IPT

PTAR UiTM

Statistik 2018
Pengunjung fizikal - 3,563,185
Pengunjung maya - 1,393,361
Pinjaman bahan bercetak -
347,629 naskah
Pinjaman bahan sumber
elektronik - 4,224,386

Perpustakaan UM

Statistik 2018
Jumlah kunjungan
fizikal - 828,348
Jumlah pelawat antarabangsa
(lawatan berpandu) - 670
Jumlah pelawat tempatan
(murid sekolah untuk
lawatan berpandu) - 910
Bilangan pelawat harian dari
IPTA/kementerian - 5,118
Pinjaman buku - 180,000

Perpustakaan USIM

Statistik 2018
Jumlah kunjungan
fizikal - 89,405
Jumlah kunjungan
maya - 103,055
Jumlah penggunaan
bahan bercetak - 34,005

➔ Tarik minat pelajar dengan teknologi supaya menjadi gedung penyedia maklumat

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Cabaran akses tanpa sempadan bagi semua sumber maklumat menggunakan ejen carian Google dalam kalangan mahasiswa menuntut setiap perpustakaan universiti awam (UA) mengambil pelbagai langkah proaktif untuk terus kekal relevan dalam arus perkembangan teknologi.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) antara universiti yang menjalankan pelbagai program untuk menarik minat pengunjung sekali gus kekal bersaing dengan teknologi supaya terus menjadi gedung penyedia maklumat kepada pelajar.

Ketua Pustakawan UiTM, Noor Hidayat Adnan, berkata antara program yang disediakan

ialah Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan membaca dalam kalangan warga universiti.

Tetapkan sasaran

Katanya, PTAR turut mengadakan Program Literasi Maklumat yang bertujuan menyampaikan maklumat penggunaan Pangkalan Data Atas Talian bagi kegunaan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kepada warga universiti dan Library Outreach bagi mengeratkan hubungan antara perpustakaan dengan fakulti.

“Selain itu, beberapa aktiviti lain turut diadakan, termasuklah 10 Minutes of Book Review @PTAR Instagram, Pertandingan Library@Home, Reading Book Challenge 2019, Kursus Dunia Penulisan, Speaker Corner dan sesi temu bual bersama tokoh atau ikon membaca.

“Kemudahan yang disediakan di PTAR seperti ruang bacaan, bilik koleksi khas, bilik penyelidikan, bilik kuliah pintar, wifi percuma, surau, ruang santai pelajar (Library CafE), pusat teknologi maklumat dan bilik 24 jam juga mampu menarik pengunjung, terutama bagi minggu ulang kaji atau musim peperiksaan,” katanya.

PTAR menetapkan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) sebanyak empat juta pengunjung setahun yang terdiri daripada pengunjung fizikal dan maya yang mana tahun lalu sebanyak 3,563,185 juta pengunjung fizikal diterima dan 3,563,185 juta (pengunjung maya).

Sementara itu, Pemangku Ketua Pustakawan, Universiti Malaya (UM), Mahbob Yusof, berkata peranan perpustakaan pada hari ini sudah beralih daripada menyediakan koleksi maklumat kepada penyediaan ruang perjumpaan untuk pelajar dan pensyarah.

Katanya, UM membuat banyak penambahbaikan terhadap ruang yang ada di perpustakaan itu bagi menarik lebih ramai pengunjung, termasuklah menyediakan bilik perbincangan yang dilengkapi dengan televisyen LCD, bilik 24 jam dan bilik karek untuk kegunaan warga universiti.

“Perpustakaan turut menyediakan kursus literasi maklumat bertujuan meningkatkan pencarian maklumat dalam kalangan pelajar secara berkesan supaya mereka boleh menentukan ketulenan maklumat yang diperolehi sekali gus mengelakkan aktiviti plagiat.

“Kursus ini diwajibkan bagi setiap pelajar diploma dan ijazah manakala pelajar

pascasiswazah pula boleh memilih untuk mengambil kursus ini atau tidak tetapi setakat ini, sambutan yang diterima daripada pelajar pascasiswazah juga sangat menggalakkan,” katanya.

Tahun lalu, Perpustakaan UM menerima 828, 348 jumlah kunjungan, 670 (pelawat antarabangsa melalui lawatan berpandu), 910 (pelawat tempatan) dan 5,118 (pelawat harian dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Sumber maklumat

Pustakawan Kanan, Unit Komunikasi Korporat, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Hafizah Badri, pula berkata berdasarkan peningkatan mahapuan penurunan statistik kunjungan serta kadar penggunaan bahan perpustakaan dalam kalangan warga USIM, ia dilihat sebagai cabaran yang perlu dihadapi masa kini oleh perpustakaan.

“Cabaran akses tanpa sempadan bagi semua sumber maklumat menggunakan carian Google dalam kalangan mahasiswa universiti amat meluas namun tidak membataskan perpustakaan bagi menyesuaikan maklumat yang diperolehi itu sah sah hasil daripada Google untuk diberikan kepada pengguna atau mahasiswa,” katanya.



Mahbob Yusof



Noor Hidayat Adnan

'Perpustakaan masih relevan'

Rata-rata pelajar berpendapat penggunaan perpustakaan dalam kalangan mahasiswa ketika ini agak menurun kerana mereka boleh mendapatkan maklumat diperlukan melalui carian di internet.

Penggunaan perpustakaan untuk mencari maklumat atau mendapatkan bahan rujukan sudah semakin berkurang sebaliknya ramai mahasiswa berkunjung ke pusat sumber kerana ingin memanfaatkan ruang belajar yang disediakan.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2018/2019, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Muhammad Hasyimi Hasyim Mohd Suddin, berkata penggunaan perpustakaan khususnya bagi bahan bercetak sedikit berkurangan kerana pelajar boleh mendapatkan secara dalam talian dengan menggunakan telefon pintar.

Katanya, tujuan utama pelajar berkunjung ke perpustakaan kini tidak lagi tertumpu kepada aktiviti meminjam buku atau mencari maklumat sebaliknya menggunakan sepenuhnya ruang belajar dan kemudahan lain yang disediakan di situ.

"Kebanyakan pelajar berkunjung ke perpustakaan untuk memanfaatkan ruang belajar yang disediakan



Muhammad Hasyimi Hasyim



Yusfariq Iqmal Yuslan

kerana dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, termasuklah bilik perbincangan, televisyen dan projektor sekaligus menjadikan sesi menelaah bersama rakan lebih santai dan menyeronokkan.


"Selain itu, capaian internet yang pantas di kebanyakan perpustakaan universiti, termasuklah di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), UMT ini juga membuatkan ramai pelajar selesa berkunjung ke situ," katanya.

Guna telefon pintar

Selain menyediakan kemudahan pinjaman buku, perpustakaan pada hari ini tampil moden seiring dengan peredaran zaman dan teknologi bagi memenuhi keperluan mahasiswa.

Ini termasuklah menyediakan ruang santai, kafe, sudut belajar yang lengkap dengan keperluan teknologi terkini dan perkhidmatan carian jurnal dalam talian.

Sementara itu, pelajar Ijazah Sarjana Muda Seni Bina Dalam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Yusfariq Iqmal Yuslan, berkata penggunaan perpustakaan dalam kalangan mahasiswa tidak seramai dulu kerana mereka lebih memilih untuk mengakses maklumat melalui telefon pintar masing-masing.



Pelajar lebih gemar menggunakan telefon pintar untuk mencari maklumat.

Katanya, penggunaan perpustakaan kini bermusim dan akan penuh apabila tibanya minggu peperiksaan kerana pelajar mahu menggunakan ruang belajar yang disediakan supaya dapat belajar tanpa gangguan.

"Meskipun begitu, masih ada jurnal atau buku yang tidak dapat diakses melalui internet sekaligus menyebabkan pelajar perlu juga berkunjung ke perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

"Saya sendiri agak jarang ke perpustakaan kerana kebanyakan maklumat boleh diperoleh melalui internet tetapi tetap memilih untuk

berkunjung ke pusat sumber setiap kali musim peperiksaan kerana mahu lebih fokus mengulang kaji pelajaran berbanding belajar di kolej kediaman," katanya.

Jalur lebar

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Visual, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Noredayu Muhammad, pula berkata sikap kebanyakan mahasiswa yang suka menghabiskan masa dengan gajet masing-masing mendorong mereka untuk lebih selesa mencari maklumat melalui internet.

"Tambahan pula, pelan internet yang ditawarkan

syarikat telekomunikasi dan kemudahan jalur lebar yang disediakan pihak universiti sama ada di kampus dan kolej kediaman membolehkan lagi aktiviti mencari maklumat secara dalam talian dibuat walau di mana sahaja pelajar berada.

"Meskipun begitu, saya berpendapat kewujudan perpustakaan masih relevan sehingga ke hari ini kerana terdapat buku, jurnal atau bahan rujukan lain yang tidak dapat diperoleh melalui internet sekaligus memaksa pelajar berkunjung ke perpustakaan dan menggunakan kemudahan lain yang disediakan," katanya.

Konsep terbuka, santai tarik kehadiran mahasiswa

BERITA HARIAN 14/02/2019 M/S 25

← Dari V23

Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak perpustakaan bagi menarik minat pelajar untuk berkunjung ke premis berkenaan, termasuklah membuka ruang rehat santai, peluang bermalam di pusat sumber dan membenarkan pelajar membawa minuman panas ketika menelaah pelajaran.

Prof Yusserie berkata, pihak universiti tidak mempunyai halangan bagi pelajar yang lebih selesa mencari maklumat atau membuat rujukan melalui internet berbanding menggunakan kemudahan di perpustakaan.

“Meskipun begitu, tidak semua maklumat yang

mereka dapat dalam internet itu boleh digunakan dalam tugas masing-masing.

“Oleh itu, pelajar perlu bijak dan bertanggungjawab mencari ketulenan dan kesahihan maklumat yang diperolehi supaya boleh digunakan dalam tugas atau projek yang dikendalikan,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Prof Dr Zaliman Sauli, berkata penggunaan perpustakaan di universiti berkenaan sentiasa meriah kerana keadaan kampus yang agak kecil.

“UMK mempunyai tiga

semua perpustakaan yang disediakan mendapat kunjungan yang menggalakkan daripada pelajar dan kakitangan universiti, mungkin kerana konsep yang digunakan lebih terbuka dan santai.

“Situasi itu akan lebih meriah menjelang musim ujian dan peperiksaan kerana pelajar perlu menelaah pelajaran terutama bagi mereka yang memilih untuk berjaga sepanjang malam serta mencari maklumat melalui buku atau secara dalam talian menggunakan kemudahan yang disediakan,” katanya.

Lanjut tempoh operasi

Berikutan itu juga, Prof Zaliman berkata, pihak



Prof Yusserie



Prof Zaliman

perpustakaan akan melanjutkan tempoh operasi pada musim peperiksaan sehingga jam 10 atau 11 malam, malah membenarkan pelajar untuk minum kopi di dalam perpustakaan bagi menghilangkan mengantuk.

“Bersesuaian dengan hasrat Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang mahu membudayakan tabiat membaca dalam kalangan mahasiswa, Perpustakaan UMK turut menganjurkan pelbagai program bagi menggalakkan pelajar membaca pelbagai bahan bacaan.

“Antara bahan bacaan yang disediakan, termasuklah bahan bacaan umum seperti novel, majalah dan

jurnal ekonomi supaya skop pembacaan mereka tidak terhad kepada buku berkaitan program pengajian mereka semata-mata,” katanya.

Beliau berkata, kemunculan pelbagai teknologi canggih pada hari ini mungkin sedikit sebanyak menjejaskan fungsi perpustakaan sehingga mengurangkan jumlah kunjungan tetapi gedung ilmu itu dilihat masih relevan sehingga ke hari ini.

“Ini berikutan, masih ada bahan rujukan daribacaan yang tidak dapat diperolehi melalui internet sekali gus memerlukan pelajar berkunjung ke perpustakaan,” katanya.